

Ketetapan Umum No.1/2001

PEMILIKAN LOJI DAN JENTERA BAGI TUJUAN TUNTUTAN ELAUN MODAL

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini menjelaskan maksud pemilikan loji dan jentera bagi tujuan tuntutan elaun permulaan dan elaun tahunan di bawah perenggan 10 & 15, Jadual 3, **Akta Cukai Pendapatan, 1967** . Ia berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2000 (berasaskan tahun semasa) dan tahun taksiran seterusnya

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini mempertimbangkan maksud pemilikan loji dan jentera dan kesannya terhadap seseorang sama ada ia berkeelayakan menuntut elaun modal bagi loji dan jentera itu dalam menentukan pendapatan berkanun daripada perniagaan.

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNAPAKAI

3.1 Potongan elaun modal

Dalam pengiraan pendapatan berkanun daripada perniagaan, elaun modal di bawah Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 [selepas ini disebutkan sebagai elaun modal dan Akta , masing-masing] boleh ditolak daripada pendapatan larasan punca perniagaan itu.

3.2 Syarat untuk elaun modal

3.2.1 Untuk layak mendapat **elaun permulaan** bagi loji dan jentera bagi sesuatu tahun taksiran, seseorang hendaklah mematuhi semua syarat berikut

A. beliau menjalankan perniagaan dalam tempoh asas;

B. beliau telah melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan aset itu dalam tempoh asas;

C.aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan; dan

D.pada akhir tempoh asas (atau, jika aset itu telah dilupuskan, pada masa pelupusan), beliau ialah pemilik aset itu.

3.2.2 Untuk layak mendapat **elaun tahunan** bagi loji dan jentera bagi sesuatu tahun taksiran, seseorang hendaklah mematuhi semua syarat berikut:

A.beliau menjalankan perniagaan dalam tempoh asas;

B.beliau telah melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan aset itu;

C.aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan; dan

D.pada akhir tempoh asas, beliau ialah pemilik aset itu dan aset itu masih digunakan.

3.3 **Pemilikan Aset**

3.3.1 "Pemilikan" berhubung dengan sesuatu aset merujuk kepada pemilikan di sisi undang-undang ataupun pemilikan benefisial.

3.3.2 Biasanya sesuatu aset dimiliki dan digunakan oleh orang yang sama dalam perniagaannya. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan:

A.sesuatu aset didaftarkan atas nama seseorang (pemilik di sisi undang-undang) [*rujuk perenggan 4.4 di bawah*] walaupun perbelanjaan loji yang layak baginya dilakukan oleh orang yang lain (pemilik benefisial) [*rujuk perenggan 4.3 di bawah*]; atau

B.sesuatu aset didaftarkan atas nama seseorang (pemilik di sisi undang-undang) walaupun perbelanjaan loji yang layak baginya dilakukan bersama oleh orang itu dan orang yang lain; dan

C.aset tersebut digunakan bagi tujuan perniagaan pemilik di sisi undang-undang atau perniagaan pemilik benefisial.

3.4 Aset dimiliki dan digunakan bagi tujuan perniagaan orang yang sama

Seseorang pemilik aset di sisi undang-undang yang juga pemilik benefisial dan menggunakan aset itu dalam perniagaannya berhak menuntut elaun modal atas aset itu.

Contoh

Encik Salleh membeli sebuah van pada 21.06.2000 dan mendaftarkannya atas nama sendiri. Beliau menggunakan van dalam perniagaan runcitnya. Akaun perniagaan ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Pada 31.12.2000 van itu masih digunakan.

Dalam pengiraan pendapatan berkanun daripada perniagaan runcit bagi tahun taksiran 2000, Encik Salleh layak untuk menuntut elaun modal atas van oleh kerana beliau telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan [rujuk perenggan 3.2 di atas]:

- A. beliau menjalankan perniagaan dalam tempoh asas;*
- B. beliau telah melakukan perbelanjaan loji yang layak bagi tujuan perniagaannya;*
- C. aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan dalam tempoh asas; dan*
- D. pada akhir tempoh asas, beliau ialah pemilik aset itu dan aset itu masih digunakan bagi tujuan perniagaannya.*

3.5 Aset digunakan bagi tujuan perniagaan seseorang tetapi didaftarkan atas nama orang lain

3.5.1 Aset digunakan bagi tujuan perniagaan pemilik benefisial tetapi didaftarkan atas nama orang lain

Di mana seseorang telah:

A.melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan sesuatu aset; dan

B.aset itu digunakan bagi tujuan perniagaannya dalam tempoh asas; dan

C.aset itu masih digunakan pada akhir tempoh asas;

- *C contoh*

Encik Azmi membeli sebuah lori dalam tahun asas 2001 dan mendaftarkannya atas nama Encik Musa. Lori itu digunakan oleh Encik Azmi untuk menjalankan perniagaan pengangkutan.

Dalam pengiraan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tahun taksiran 2001, Encik Azmi layak menuntut elaun-elaun permulaan dan tahunan kerana syarat-syarat yang ditetapkan telah dipenuhi.

*Encik Musa **tidak** berhak menuntut elaun-elaun kerana beliau tidak melakukan perbelanjaan loji yang layak.*

3.5.2 Aset didaftarkan atas nama seseorang dan digunakan bagi tujuan perniagaan lebih dari seorang pemilik benefisial

Di mana:

A.lebih dari seorang telah melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan sesuatu aset; dan

B.aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan setiap orang itu dalam tempoh asas;

C.pada akhir tempoh asas, aset itu masih digunakan sedemikian; dan

D.aset itu didaftarkan atas nama salah seorang pemilik benefisial atau atas nama orang lain;

- setiap pemilik benefisial aset itu adalah layak menuntut elaun modal atas aset itu mengikut bahagiannya dalam perbelanjaan loji yang layak yang telah dilakukan. [Dalam situasi seperti ini, di mana lebih dari seorang menuntut elaun modal bagi aset yang sama, satu kenyataan sedemikian (yang menunjukkan butiran

pembahagian yang sesuai) hendaklah dibuat dalam pengiraan cukai setiap orang yang menuntut.]

Perhatian : ketetapan di atas tidak digunapakai bagi perkongsian yang terlibat dalam situasi yang serupa. Kaedah khas telah disediakan bagi perkongsian: rujuk Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun dan Pengenaan Modal) 1969 [P.U.(A) 96/1969].

Contoh

Adik-beradik Ahmad dan Ali menjalankan perniagaan restoran masing-masing. Mereka bersama-sama membeli sebuah van yang berharga RM56,000 pada 01.09.2001. Ahmad membayar RM30,000 dan Ali membayar RM26,000. Van itu didaftarkan atas nama Ahmad. Van itu digunakan dalam perniagaan Ahmad dan Ali dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu. Akaun bagi kedua-dua perniagaan ditutup pada 31 Disember.

Elaun permulaan dan elaun tahunan dikira seperti berikut:

	Tahun taksiran 2001	Ahmad		Ali	
-	Perbelanjaan yang layak	-	30,00	-	26,000
-	Elaun permulaan (20%)	6,000	-	5,200	-
-	Elaun tahunan (20%)	6,000	12,000	5,200	10,400
-	Baki perbelanjaan	-	18,000	-	15,600

- *Bagi tahun taksiran 2001, Ahmad layak menuntut elaun modal sebanyak RM12,000 dan Ali layak menuntut RM10,400 bagi van.*

3.5.3 Aset didaftarkan atas nama, dan digunakan bagi tujuan perniagaan, pemilik berdaftar tetapi perbelanjaan loji yang layak dilakukan oleh orang lain

Di mana perbelanjaan loji yang layak bagi sesuatu aset dilakukan oleh seseorang [pemilik benefisial] tetapi aset itu didaftarkan atas nama dan digunakan bagi tujuan perniagaan orang yang lain [pemilik di sisi undang-undang], kedua-dua pihak **tidak** layak menuntut elaun modal kerana kedua-dua pihak gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Contoh

Syarikat X Bhd. membeli sebuah lori dan mendaftarkannya atas nama anak syarikat, Syarikat Y Sdn. Bhd.. Lori itu digunakan oleh

Syarikat Y Sdn. Bhd. dalam perniagaannya.

Kedua-dua syarikat tidak layak untuk elaun modal ke atas lori kerana:

A.walaupun Syarikat X Bhd. telah melakukan perbelanjaan modal berhubung dengan aset itu, perbelanjaan itu tidak dilakukan bagi tujuan perniagaannya dan aset itu tidak digunakan bagi tujuan perniagaannya.

B.walaupun aset itu digunakan bagi tujuan perniagaannya, Syarikat Y Sdn. Bhd. tidak melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan aset itu.

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud ketetapan ini:

4.1 "Aset" bermaksud loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan dan perbelanjaan loji yang layak telah dilakukan berhubung dengannya.

4.2 "Orang" atau "seseorang" termasuk syarikat, koperasi, perkongsian, kelab, persatuan, keluarga sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka dan individu.

4.3 "Pemilik benefisial" bermaksud orang yang telah melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan, atau yang telah membayar untuk, sesuatu aset dan orang itu dapat membuktikan tuntutan dengan dokumen atau bukti yang lain [*contoh* : pencatatan yang sesuai dalam buku akaun perniagaan, disokong oleh dokumen seperti invois, baucer dan resit].

4.4 "Pemilik di sisi undang-undang" bermaksud orang yang atas namanya aset didaftarkan atau direkodkan [*contoh*: sijil pendaftaran kenderaan motor; kad jaminan kualiti bagi mesin; dan sebagainya].

(Tarikh Pengeluaran:18/01/2001)